


1. Pernyataan manakah yang betul tentang sumber ekonomi?
 - A Tanah merupakan sumber yang diekstrak dari bumi dan lautan
 - B Modal mempunyai penawaran yang terhad yang menyebabkan harganya meningkat secara berterusan
 - C Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
 - D Usahawan adalah individu yang menyumbangkan tenaga yang produktif dari segi fizikal dan mental

2. Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan dalam mengeluarkan barang awam?
 - A Upah pekerja yang rendah bagi memenuhi barang kehendak pengguna
 - B Memaksimumkan kepuasan pelanggan daripada penggunaan keluaran
 - C Kekurangan hasil bagi membina pelbagai projek pembangunan
 - D Pertambahan penduduk yang tidak terkawal

3. Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)



Rajah 1

- Pilih pernyataan yang betul menggambarkan kombinasi pengeluaran di titik E.
- A Berlaku ketidakupayaan pengeluaran
 - B Wujud pembaziran sumber dalam pasaran
 - C Ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh
 - D Faktor pengeluaran digunakan secara maksimum tanpa pembaziran



4. Jadual 1 menunjukkan pengeluaran sebuah firma bagi dua jenis barang.

Produk	Kombinasi keluaran	
	P	R
Barang perkilangan	20	60
Barang pertanian	85	55

Jadual 1

Berapakah kos lepas jika kombinasi keluaran berubah daripada P ke R?


- A 20 unit barang perkilangan
 B 30 unit barang pertanian
 C 40 unit barang perkilangan
 D 60 unit barang pertanian
5. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh Syarikat Z.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan ?

- I Apa yang hendak diselesaikan
 II Bagaimana hendak dikeluarkan
 III Untuk siapa hendak dikeluarkan
 IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D III dan IV

6. Apakah ciri sistem ekonomi perancangan pusat?
- Pilihan pengguna terbatas
 - Persaingan wujud antara firma
 - Harga ditentukan melalui kuasa pasaran
 - Motif pengeluaran adalah memaksimumkan keuntungan
7. Pernyataan manakah yang betul tentang permintaan pasaran ?
- Keluk permintaan pasaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - Menunjukkan hubungan yang tidak langsung antara harga dengan kuantiti diminta
 - Diperoleh dengan menggabungkan semua keluk permintaan individu secara menegak
 - Menunjukkan jumlah kuantiti barang yang diminta oleh semua firma pada setiap tingkat harga
8. Rajah 2 adalah keluk permintaan suatu barang.



Rajah 2

Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- 0.44
- 0.86
- 1.17
- 2.25



9. Jadual 2 menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.


Barang S	Barang T
0.7	2.7

Jadual 2

Pernyataan yang manakah betul?

- A Nilai pekali barang S adalah anjal
 - B Contoh barang S adalah Komputer riba
 - C Barang T responsif terhadap perubahan harga
 - D Harga barang T perlu dinaikkan untuk meningkatkan jumlah hasil
10. Pernyataan manakah yang betul tentang keluk penawaran pasaran?
- I Menyambungkan titik-titik kuantiti ditawarkan oleh semua individu pada setiap tingkat harga
 - II Keluk penawaran pasaran lebih curam daripada keluk permintaan individu
 - III Hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan adalah secara langsung
 - IV Keluk penawaran pasaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV


11. Rajah 3 berkaitan dengan keseimbangan pasaran.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul?

- A Harga menurun daripada RM12 kepada RM10 menyebabkan penawaran meningkat sebanyak 8 unit
 - B Pengembangan permintaan daripada 4 unit ke 8 unit berlaku akibat peningkatan pendapatan
 - C Tiada lebih permintaan dan penawaran pada tingkat harga RM10
 - D Lebih permintaan sebanyak 10 unit berlaku pada harga RM9
12. Rajah 4 berkaitan dengan keanjalan harga penawaran anjal.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah betul tentang keanjalan harga penawaran yang anjal?

- A Kecerunan keluk adalah berbentuk curam
- B Bilangan firma dalam pasaran adalah banyak
- C Contoh barang dalam pasaran adalah produk pertanian
- D Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti



Akaun Semasa

13. Pernyataan yang manakah betul berkaitan akaun di bank tersebut?
- A Simpanan minimum untuk membuka akaun semasa lebih rendah
 - B Ada had maksimum dalam pengeluaran
 - C Mempunyai tempoh matang simpanan
 - D Dikenakan caj perkhidmatan
14. Maklumat berikut berkaitan dengan satu kaedah pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

Pn.Sherry mengarahkan pihak bank membuat bayaran premium sebanyak RM 300 pada setiap 5 hari bulan kepada syarikat insurans.

Apakah kemudahan tersebut?

- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
15. Pernyataan yang manakah betul tentang sektor kedua?
- A Sebagai pelengkap kepada sektor utama
 - B Penghasilan barang siap dan separuh siap
 - C Tanpa melibatkan pengubahsuaian bentuk barang
 - D Contoh pekerjaan ialah jurutera di pelantar minyak



16. Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan Encik Rayyan

- Seorang pesara
- Isteri bekerja sebagai guru
- Mengusahakan kedai runcit
- Menerima pulangan daripada individu yang menggunakan tanahnya

Antara yang berikut, apakah jenis pendapatan produktif yang diterima oleh beliau?

- I Untung
- II Pencen
- III Sewa
- IV Upah
- A I dan III
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

17. Maklumat berikut merupakan kos pengeluaran suatu barang.

Kos Berubah	= RM 170
Kos Tetap	= RM 80
Kos Purata	= RM 5

Berapakah jumlah output?

- A 34 unit
- B 50 unit
- C 40 unit
- D 45 unit

18. Pernyataan yang manakah betul tentang pengeluaran?

- A Fungsi pengeluaran jangka pendek merujuk kepada hubungan input tetap dengan output dalam proses pengeluaran
- B Firma berupaya menyesuaikan tingkat keluaran mengikut kehendak pasaran dalam jangka masa pendek
- C Input berubah mempunyai hubungan yang negatif dengan tingkat output
- D Input tetap boleh menjadi input berubah dalam jangka masa panjang

19. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan tentang eksternaliti?
- I Kesan yang diterima oleh pihak ketiga
 - II Kos yang ditanggung oleh pengeluar
 - III Kesan yang tidak dimasukkan dalam harga pasaran
 - IV Kos yang terlibat dalam penggunaan barangan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

20. Apakah kos sosial yang wujud akibat pembinaan pasar raya besar di kampung?
- A Memudahkan penduduk kampung mendapatkan barang keperluan
 - B Penduduk kampung mendapat peluang pekerjaan
 - C Berlaku kesesakan jalan raya di kampung
 - D Pemilik pasar raya mendapat keuntungan

21. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan

Kerajaan menjadi majikan kepada 1.3 juta penjawat awam dan Kementerian Pendidikan merupakan kakitangan teramai iaitu 511,345 orang penjawat awam.

Bagaimanakah situasi tersebut dapat membantu ekonomi negara?

- A Mengurangkan kadar inflasi
 - B Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - C Memperbaiki imbalan pembayaran Malaysia
 - D Mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing
22. Manakah yang menyebabkan inflasi tolakan kos?
- A Peningkatan harga bahan api
 - B Peningkatan jumlah subsidi
 - C Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
 - D Peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan

23. Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran.

Isu pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia kekal kritikal, dengan kadar pengangguran graduan meningkat kepada 5.2 peratus pada akhir 2025.

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan pengangguran di atas?

- A Bersifat jangka panjang
 - B Kadar kemiskinan meningkat
 - C Peralihan pekerjaan akibat kehausan sumber asli
 - D Peluang mendapat gaji yang tinggi menjadi keutamaan
24. Apakah ciri yang berkaitan dengan monopoli semula jadi?
- A Kebebasan firma untuk masuk dan keluar pasaran
 - B Lebih daripada seorang pengeluar
 - C Persaingan bukan harga amat penting
 - D Berkuasa untuk menentukan harga
25. Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Bank Pusat mengambil tindakan untuk meningkatkan bekalan wang dalam pasaran

Antara berikut, tindakan manakah yang diambil bagi mencapai matlamat tersebut?

- I. Mengurangkan kadar cukai
 - II. Melonggarkan syarat sewa beli
 - III. Membeli surat jaminan kerajaan
 - IV. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV



26. Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan harga minyak di pasaran.

Konflik di Asia Barat yang berterusan menyebabkan kerajaan mengurangkan kuota bulanan Budi Madani.

Apakah tujuan utama kerajaan membuat tindakan tersebut.

- A Memastikan semua rakyat mendapat harga minyak yang lebih murah
- B Mengawal simpanan stok minyak
- C Melindungi golongan berpendapatan rendah
- D Mengekang kenaikan harga barang

27. Jadual berikut menunjukkan sebahagian sumber hasil kerajaan pada tahun 2025.

Hasil cukai	Jumlah (RM bilion)
Cukai pendapatan individu	44.7
Duti Eksais	12.8
Duti Stem	10.1
Duti import dan eksport	4.8
Cukai perkhidmatan	30.3
Cukai jualan	25.6
Cukai Pendapatan syarikat	97.0

Hitungkan jumlah hasil cukai tak langsung kerajaan pada tahun tersebut.

- A RM 141.7 bilion
- B RM 73.5 bilion
- C RM 83.6 bilion
- D RM 151.8 bilion

- 28 Maklumat berikut adalah tentang perdagangan antarabangsa.

MARA (Majlis Amanah Rakyat) telah menghantar pelajar tajaan ke 22 buah negara. Dalam tempoh pengajian, pelajar ini ada yang terlibat sebagai 'Personal Shopper' sebagai punca pendapatan tambahan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2026

Antara berikut, yang manakah merupakan komposisi perdagangan yang terlibat?

- I Import barang nampak
- II Eksport barang nampak
- III Import barang tak nampak
- IV Eksport barang tak nampak
- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan IV
- D. III dan IV

29. Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Indeks Harga pengguna Malaysia pada Mac 2025 ialah 134.1 dan telah meningkat ke 136.7 pada Mac 2026

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2026

Apakah tindakan yang sesuai diambil oleh kerajaan untuk mengawal keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal Kadar	Cukai	Perbelanjaan Kerajaan
A	Mengembang	Naik	Turun
B	Menguncup	Turun	Naik
C	Mengembang	Turun	Naik
D	Menguncup	Naik	Turun

30. Pernyataan yang manakah menerangkan peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
- A Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong
 - B Pengembangan industri penggantian import
 - C Perkembangan teknologi maklumat
 - D Pembukaan lapangan terbang baharu
31. Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan dasar fiskal mengembang?
- A Kuasa beli pengguna meningkat
 - B Kadar pengangguran cenderung naik
 - C Perolehan hasil cukai langsung meningkat
 - D Pembinaan projek pembangunan berkurang
32. Bagaimanakah kemajuan teknologi dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara?
- A Meningkatkan modal negara
 - B Meningkatkan kecekapan pengeluaran
 - C Meningkatkan penggunaan guna tenaga
 - D Meningkatkan penggunaan sumber tempatan
33. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis cukai.

Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain

Apakah cukai tersebut?

- A Cukai tanah
- B Cukai keuntungan hartanah
- C Cukai pendapatan petroleum
- D Cukai jualan dan perkhidmatan



34. Apakah tujuan kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?
- A Menggalakkan penawaran barang import
 - B Memperbaiki imbalan pembayaran
 - C Meningkatkan kadar pengangguran
 - D Menambahkan pendapatan negara
35. Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Kemasukan pelaburan Australia ke Malaysia
 - II Jepun membeli petroleum mentah dari Malaysia
 - III Syarikat Malaysia melabur di China
 - IV Malaysia memberi bantuan kemanusiaan kepada penduduk Aceh
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
36. Jadual menunjukkan kadar pertukaran antara Bath Thai(THB) dengan Ringgit Malaysia (RM) pada 1 Mac 2026.

$\text{RM } 1.00 = \text{THB } 12.65$

Jika seorang pengimport Thailand telah mengimport barang dari Malaysia bernilai THB 2,750 berapakah nilai yang perlu dibayar oleh pengimport Thailand?

- A RM 220.15
- B RM 219.41
- C RM 217.39
- D RM 210.40

Soalan 37 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

37. I Kerajaan menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
II Kerajaan membuat pilihan yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.
38. I Faedah sosial merupakan kesan yang berlaku kepada pihak ketiga.
II Contoh faedah sosial ialah kesan pencemaran sungai kepada masyarakat akibat aktiviti pembuangan sisa toksik
39. I Cukai tak langsung merupakan cukai yang bebannya boleh dipindah kepada orang lain.
II Duti import merupakan cukai tak langsung
40. I Belanjawan lebih digunakan semasa negara mengalami masalah inflasi.
II Belanjawan lebih merupakan tindakan kerajaan mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

KERTAS SOALAN TAMAT